

# USIM, universiti Nigeria meterai MoU



Musa menyerahkan dokumen MoU persefahaman dengan Naib Canselor Universiti Al-Qalam dan Universiti of Ilorin.

**SEREMBAN** – Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) mengorak langkah dengan menjalinkan kerjasama dengan dua universiti terkemuka di Nigeria iaitu Universiti Al-Qalam dan Universiti of Ilorin.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan kedua-dua universiti itu diadakan di Galeri Bangunan Canselori Usim, Nilai, di sini, semalam.

MoU itu adalah signifikan antara bidang dan skop kerjasama yang bakal memberi manfaat kepada kedua-dua universiti sebagai

rakan strategik.

Naib Canselor Usim, Profesor Datuk Dr Musa Ahmad berkata, MoU itu dapat meningkatkan peluang dan potensi pertukaran pelajar dan kakitangan bagi memenuhi kehendak dan keperluan institusi untuk menggalakkan pemindahan kepakaran dan idea.

“Pelbagai peluang akan diperoleh melalui sesi bengkel atau latihan dijalankan secara bersama serta penerokaan projek-projek penyelidikan dan pembangunan.

“Kerjasama dalam penerbitan untuk

percambahan idea juga boleh diadakan bagi isu-isu kepimpinan dan pengurusan dalam Islam,” katanya semalam.

Pada majlis tandatangan itu, Usim diwakili Musa manakala Universiti Al-Qalam diwakili Naib Canselor, Profesor Shehu G Ado dan Universiti of Ilorin diwakili Naib Canselor, Profesor Abdulganiyu Ambali.

MoU turut disaksikan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Datuk Profesor Dr Asma Ismail.